


Headline	Rukun Negara berkesan perkukuh perpaduan kaum		
Date	19. Sep 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	34
Section	Nasional	Article Size	135 cm ²
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color
		AdValue	2401.50



Rukun Negara berkesan perkukuh perpaduan kaum

SARANAN Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu supaya kerajaan mewujudkan sebuah Majlis Hubungan Antara Kaum amat penting diberikan perhatian semua pihak. Malah cadangan itu tepat pada masanya memandangkan senario dan iklim politik semasa yang tidak mementu.

Saya percaya Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan boleh memikul tanggungjawab ini terutama di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Saya juga optimis jabatan itu boleh memainkan peranan berkesan dalam meningkatkan kesedaran, penghayatan serta membina hubungan etnik yang harmonis dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

Inilah keunikan negara kita yang mempunyai masyarakat multi etnik. Malah, tema perayaan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-51 iaitu 'Perpaduan Teras Kejaaan' juga penting dihayati

semua masyarakat.

Saya berpendapat ahli politik perlu lebih peka dan rasa tanggungjawab menyemai semangat perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Ungkapan retorik dan keyataan yang berbau perkauan perlu dielakkan.

Semoga cadangan mewujudkan Akta Hubungan Antara Kaum dan Majlis Hubungan Antara Kaum dapat diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan agar masyarakat Malaysia terutama belia dapat terus memastikan kelangsungan perpaduan yang disemai sejak 51 tahun lamanya.

Saya berpendapat kursus wajib, iaitu Hubungan Etnik

yang dipelajari semua pelajar IPTA amat berkesan dan ia perlu diwajibkan kepada pelajar IPTS.

Pembudayaan hubungan etnik yang baik perlu disuburkan sejak kecil lagi. Semua pihak perlu bersikap matang dalam memberikan pandangan isu berkait rapat hubungan intra-etnik dan inter-etnik.

Saya juga berminat mencadangkan teras utama dalam Majlis Hubungan Antara Kaum dan Akta Hubungan Antara Kaum perlu berpaksikan Rukun Negara.

DR SARJIT SINGH GILL,

*Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.*